

HAK WANITA SELEPAS PERCERAIAN (*MUT'AH*) MENURUT PANDANGAN ISLAM

SITI NOR WAHIDAH BINTI MAT RAHIM

PROJEK ILMIAH INI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM DENGAN  
KEPUJIAN

JABATAN PENGAJIAN ISLAM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

PAHANG

2016

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan bagi tiap-tiap satunya yang telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh:

Tandatangan :

Nama Calon :

No Matrik :

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta keredhaanNya, saya dapat menyiapkan Projek Ilmiah ini dengan jayanya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Puan Musfirah binti Mohamed Mokhtar kerana memberi bimbingan dan pandangan serta tunjuk ajar yang telah beliau kemukakan kepada saya dapatlah saya menyiapkan projek ilmiah saya ini dengan sempurna dan jayanya. Jasa beliau amat saya hargai. Seterusnya orang paling penting dalam hidup saya iaitu kedua ibubapa saya dan juga tidak lupa juga pada adik-beradik saya yang telah banyak memberi sokongan yang padu untuk saya menyiapkan Projek Ilmiah ini. Begitu juga buat teman karib saya Syarafina, Aisyah Atiah dan Aishah Khumaira yang sentiasa berada di belakang saya untuk memberi semangat dan motivasi yang tidak putus-putus sehingga saya dapat menyiapkan Projek Ilmiah saya ini dengan sempurna. Allah sahaja mampu membalas jasa kalian. Ribuan terima kasih juga buat ibu saudara saya Siti Nor Ashrah kerana banyak memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan projek ilmiah ini. Dan terakhir sekali terima kasih juga diucapkan kepada individu-individu yang terlibat sama ada lansung atau tidak lansung dalam membantu saya menyiapkan Projek Ilmiah ini.

## ABSTRAK

Matlamat kajian ini adalah untuk memberi kefahaman kepada masyarakat Islam di negara ini mengenai hak-hak wanita selepas perceraian menurut Islam seterusnya menjelaskan lebih terperinci tentang hak isteri selepas perceraian khususnya di dalam tuntutan *mut'ah*. Kajian ini tertumpu dari sudut hukum syarak dan Undang-Undang Keluarga Syariah. Di samping itu, dimasukkan juga peruntukan-peruntukan statutori dan kes-kes terdahulu sebagai rujukan. Metodologi kajian ini adalah kajian perpustakaan dengan merujuk jurnal hukum, kitab-kitab fiqh, kertas kerja seminar serta rujukan-rujukan lain yang berkaitan. Hasil kajian ini saya mendapati bahawa *mut'ah* hanya boleh dituntut apabila berlakunya pembubaran perkahwinan antara suami isteri. Selain itu, melalui kajian ini juga, saya dapat mengetahui dimana tempat untuk menuntut hak *mut'ah*. Secara majoritinya kebanyakan masyarakat Islam di Malaysia kurang berpengetahuan tentang tuntutan *mut'ah* ini adalah kerana masyarakat Islam di Malaysia kurang didedahkan dengan ilmu-ilmu perkahwinan secara terbuka. Oleh yang demikian itu, penyelidik akan menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan khusus tentang tuntutan *mut'ah*. Bahkan penyelidik juga turut memasukkan peruntukan undang-undang serta kes-kes terdahulu sebagai rujukan.

## **SENARAI KES**

1. Kes Noor Bee lawan Ahmad Sanusi
2. Kes Ningel @ Yang Chik lawan Jamal
3. Siti Nor Asikin Binti Sheikh Abu Bakar Lawan Idris Bin Abu @Abu Seman.

## **SENARAI STATUT**

1. Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984
2. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003
3. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008
4. Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004
5. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
6. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005 (Pahang)
7. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2002 (Kelantan)
8. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003
9. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002
10. Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu)
11. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003
12. Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 2001 (Sarawak)
13. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004 (Sabah)
14. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991

## SENARAI SINGKATAN

1. SWT : subhanahu wa taala
2. SAW : shollallahu 'alaihi wasallam

## KANDUNGAN

<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI KES</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI STATUT</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>vii</b>

### **BAB I      PENGENALAN KEPADA KAJIAN**

	Halaman
1.0    Pendahuluan	1-2
1.2    Permasalahan Kajian	2-3
1.3    Kepentingan Kajian	3
1.4    Objektif Kajian	3
1.5    Definisi Operasi Kajian	3
1.6    Limitasi Kajian	3-4
1.7    Metodologi Kajian	4-5
1.8    Ulasan Kepustakaan.	5-6
1.9    Tujuan Kajian	6



## **BAB II                    KONSEP *MUT'AH* MENURUT PANDANGAN ISLAM**

2.0	Pengenalan Terhadap <i>Mut'ah</i> .	7-8
2.1	Definisi <i>Mut'ah</i> Menurut Pandangan Islam Daripada Sudut Bahasa Dan Istilah.	8-9
2.2	Dalil Pensyariatan Tuntutan <i>Mut'ah</i> .	9-10
2.3	Tujuan Pensyariatan Tuntutan <i>Mut'ah</i> .	10
2.4	Hukum Terhadap Bayaran Tuntutan <i>Mut'ah</i> .	11-12
2.5	Kadar Tuntutan <i>Mut'ah</i> .	12,13,14-15
2.6	Wanita Yang Layak Mendapat <i>Mut'ah</i> .	15,16,17,18,19,20,21-22
2.7	Sebab-Sebab Pengguguran Tuntutan <i>Mut'ah</i> .	22-23
2.8	Kesimpulan	23

## **BAB III                *MUT'AH* MENURUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM**

3.0	Pengenalan	24,25-26
3.1	Bagaimana Tuntutan <i>Mut'ah</i> Boleh Berlaku.	26,27-28
3.2	Kes-Kes Berkaitan Tuntutan <i>Mut'ah</i>	
	3.2.1 Kes Noor Bee Lawan Ahmad Sanusi	28,29-30
	3.2.2 Kes Ningel @ Yang Chik Lawan Jamal	30,31-32
	3.2.3 Kes Siti Nor Asikin Binti Sheikh Abu Bakar Lawan Idris Bin Abu @Abu Seman.	33
3.3	Kesimpulan	34

## **BAB IV      STATUT DAN PERUNTUKAN ENAKMEN**

4.0	Pengenalan Terhadap Peruntukan Dalam Negeri	35,36-37
4.1	Statut/Seksyen Menurut Enakmen-Enakmen Negeri.	
4.1.1	Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984	37
4.1.2	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003	37-38
4.1.3	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008	38
4.1.4	Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004	38-39
4.1.5	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004	39
4.1.6	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005 (Pahang)	39-40
4.1.7	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2002 (Kelantan)	40
4.1.8	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003	40
4.1.9	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002	41
4.1.10	Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu)	41
4.1.11	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003	42

4.1.12	Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 2001 (Sarawak)	42
4.1.13	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004 (Sabah)	43
4.1.14	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991	43
4.2	Masalah-Masalah Yang Timbul Daripada Peruntukan Yang Terdapat Di Dalam Enakmen Keluarga Islam.	44-45
4.3	Kesimpulan	46
<b>BAB V RUMUSAN DAN CADANGAN</b>		
5.0	Rumusan	47-48
5.1	Cadangan	49
<b>BIBLIOGRAFI</b>		<b>50</b>

## **BAB 1**

### **PENGENALAN KEPADA KAJIAN**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Ikatan perkahwinan merupakan simpulan tanggungjawab kepada suami dan isteri. Perkahwinan dalam Islam lebih bersifat kontrak sivil daripada upacara ikatan keagamaan (*sacrament*) kerana ia berdasarkan tawaran (*ijab*) dan penerimaan (*qabul*) antara pihak-pihak berkenaan. Ia juga digalakkan oleh al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW dan perhubungan di antara suami dan

isteri adalah disebut sebagai satu rahmat dan tanda kebesaran Allah kepada manusia seperti yang dijelaskan di dalam al-Quran<sup>1</sup>:

*Terjemahannya:*

“ *Dan diantara tanda-tanda kebesarannya ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tertarik kepadanya, dan dijadikanNya diantaramu rasa kasih sayang.* (Surah Ar-Rum 30:21)

Namun, di dalam rumahtangga bukan semua pasangan yang bernasib baik dalam mempertahankan rumahtangga mereka. Maka berlaku perpisahan iaitu perceraian antara suami dan isteri. Di dalam undang-undang syariah, membenarkan perkahwinan dibubarkan melalui *talaq* tidak kira melalui *talaq* apa sekalipun samada *talaq* secara *fasakh* atau sebagainya setelah si isteri telah diceraikan oleh suaminya maka si isteri tersebut boleh menuntut hak-hak yang boleh dituntut sebagai contoh *hadhonah*, tuntutan *mut'ah*, tuntutan nafkah ketika *'iddah* dan sebagainya. Keadaan ini adalah satu kemudahan untuk setiap wanita yang telah diceraikan untuk menegakkan keadilan dan menolak kezaliman serta merupakan satu sistem undang-undang yang melindungi hak-hak setiap wanita yang telah diceraikan.

## **1.1 PERMASALAHAN KAJIAN**

Secara umumnya, kebanyakan isteri yang telah diceraikan di negara ini kurang mengetahui tentang hak-hak yang mereka berhak dan perlu untuk menuntut sekiranya berlaku perceraian. Bukan sahaja tuntutan *hadhanah*, tuntutan nafkah anak, tuntutan nafkah sepanjang *'iddah* dan tuntutan harta sepencarian yang boleh dituntut oleh seorang isteri apabila telah diceraikan oleh suami namun masih ada lagi tuntutan yang boleh dituntut oleh si isteri selain daripada tuntutan-tuntutan yang dinyatakan di atas.

---

<sup>1</sup> Nik Mariani Nik Badli Shah, (1998), *Perkahwinan Dan Perceraian Di Bawah Undang-Undang Islam*, International Law Book Services. Hal.1.

Oleh yang demikian, melalui kajian ini penyelidik akan menjelaskan dengan lebih jelas tentang tuntutan yang kebanyakan isteri di luar sana kurang pengetahuan tentang tuntutan *mut'ah* ini. Di samping itu, akan penyelidik sertakan contoh borang untuk menuntut tuntutan *mut'ah* serta contoh kes terdahulu yang berkaitan dengan tuntutan-tuntutan *mut'ah* sebagai rujukan kepada pembaca-pembaca yang akan menjadikan tesis penyelidik sebagai rujukan kelak.

## **1.10 KEPENTINGAN KAJIAN**

Dengan adanya kajian ini penyelidik akan memperkemas sesuatu kaedah yang berkaitan dengan tuntutan *mut'ah*, bukan itu sahaja malah penyelidik juga akan membuka mata para pembaca dengan memantapkan penjelasan tentang sesuatu hukum yang berkaitan hukum dalam menuntut dalam hak tuntutan *mut'ah* ini. Selain itu, antara kepentingan kajian yang lainnya adalah dengan ada kajian ini akan dapat penyelidik membetulkan sesuatu fahaman kepada masyarakat yang kurang pengetahuan tentang hak tuntutan *mut'ah* ini.

## **1.11 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini ialah untuk :

1. Menjelaskan secara terperinci konsep tuntutan *mut'ah* menurut pandangan Islam.
2. Mengenalpasti konsep *mut'ah* menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia.
3. Menjelaskan peruntukan-peruntukan statut yang perlu dan boleh dirujuk oleh pihak-pihak yang terlibat.

## **1.12 DEFINISI OPERASI KAJIAN**

Tuntutan : sesuatu yang dituntut, permintaan dengan mendesak , dakwaan.

*Mut'ah* : suatu kelebihan dari pada perkara yang sedia dimiliki dan boleh dimanfaatkan.

Tuntutan *mut'ah* : Pemberian saguhati daripada pihak suami kepada pihak isteri jika perceraian itu berlaku tanpa sebab yang munasabah mengikut hukum syarak.

### **1.13           LIMITASI KAJIAN**

Tumpuan kajian ini lebih menjuruskan kepada hak terhadap wanita selepas perkahwinan yang kebanyakan wanita kurang mengetahui tentang tuntutan *mut'ah* ini. Kajian ini adalah untuk mengetahui secara terperinci tentang hukum tuntutan *mut'ah* yang disyariatkan dan kadar dalam tuntutan tersebut.

Dalam melaksanakan sesuatu kajian, kita tidak akan sunyi daripada mengalami sebarang masalah. Begitu juga yang dialami oleh penyelidik iaitu beberapa kesulitan dan masalah yang telah dihadapi oleh penyelidik dalam melaksanakan kajian ilmiah ini.

Di antara kekangan yang dihadapi oleh penyelidik ialah seperti kekurangan bahan rujukan yang menyeluruh. Oleh kerana kajian penyelidik ini dalam kategori kajian perpustakaan, maka sumber rujukan merupakan sumber rujukan merupakan sumber utama dan amat penting kepada penyelidik untuk mencari maklumat yang betul dalam mencari penyelesaian kepada kajian ini.

Selain itu, dalam proses menyiapkan kertas kerja, penyelidik memerlukan masa yang mencukupi untuk memastikan tidak melakukan kesilapan yang dilakukan. Justeru, penyelidik menghadapi kekangan dari sudut masa memandangkan penyelidik adalah seorang pelajar.

### **1.14   METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian dalam konteks ini adalah merujuk bagaimana kajian ini dilakukan. Metodologi yang digunakan adalah untuk mengkaji secara lebih terperinci mengenai hak tuntutan *mut'ah* yang berlaku selepas berlakunya satu pembubaran perkahwinan di antara suami dan isteri. Metodologi yang diguna pakai di dalam kajian ini adalah kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan ini dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat bagi membantu penyelidik melakukan penulisan serta mendapatkan data-data berkaitan dengan tajuk yang dipilih oleh penyelidik.

Kaedah ini amat penting bagi membantu penyelidik memperoleh pengetahuan dan kefahaman terhadap permasalahan kajian dan tumpuan khusus kajian yang ingin dilakukan oleh penyelidik. Kajian kepustakaan adalah melibatkan pencarian bahan-bahan bertulis daripada buku-buku, kertas kerja, artikel-artikel samada daripada majalah dan jurnal serta data-data rasmi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan. Data-data yang diperoleh ini digunakan untuk menyokong, menambahkan dan memperdalamkan pengetahuan penyelidik agar lebih mantap untuk memahami kerangka teori terhadap kajian. Perpustakaan yang menjadi tempat rujukan kepada penyelidik ialah di Perpustakaan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) di Kuantan.

### **1.15 ULASAN KEPUSTAKAAN.**

Raihanah binti Abdullah menghuraikan di dalam tulisannya yang bertajuk Wanita dan Perundangan Islam tentang *mut'ah* secara terperinci juga wanita manakah yang berhak untuk menerimanya (*mut'ah*). Di dalam buku ini penyelidik mendapati penulis menerangkan *mut'ah* serta perkara-perkara yang berkaitan adalah jelas dan *sahih*. Dan penyelidik dapat memahami dengan jelas beserta dengan dalil yang khusus.

Di dalam buku Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh Dan Undang-Undang Keluarga Islam penulis Salleh Ismail juga turut menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan tuntutan *mut'ah* beserta dalil yang

jelas juga disertakan dengan pelbagai pendapat daripada para fuqaha tentang perkara yang berkaitan dengan kadar dan hukum terhadap tuntutan *mut'ah*.



Menurut buku Perkahwinan dan Perceraian Dibawah Undang-Undang Islam penulisan Nik Noriani Bin Nik Badli Shah banyak menerangkan dan menghuraikan tentang kos pembayaran *mut'ah* terhadap bekas isteri adalah bergantung kepada kemampuan dan sumber kewangan bekas suami tersebut. Namun terdapat beberapa kekurangan di dalam buku penulisan ini adalah beliau tidak menerangkan secara terperinci apakah yang dimaksudkan dengan *mut'ah*.

Namun berbeza pula dalam penulisan Abdul Munir Yaacob dan Siti Shamsiah Md Supi dalam buku yang bertajuk Manual Undang-Undang Keluarga Islam, kerana di dalam buku ini penulis menerangkan perkara yang berkaitan dengan *mut'ah* melalui kes-kes yang telah mereka rujuk daripada Jurnal Hukum (1982) juga turut disertakan enakmen-enakmen yang berkaitan dengan tuntutan *mut'ah*.

Dengan ini dapat diketahui dengan jelas mengenai pendapat-pendapat antara mazhab-mazhab tersebut dari segi hukum syarak dengan cara yang lebih mendalam. Namun tidak dinyatakan mengenai peruntukan undang-undang berkaitan dengan tuntutan *mut'ah*.

## **1.16 TUJUAN KAJIAN**

Tujuan penyelidik memilih tajuk ini sebagai kajian penyelidik adalah oleh kerana kebanyakan masyarakat Islam kurang berpengetahuan tentang hak *mut'ah* ini serta penulis ada terbaca di dalam sebuah artikel baru-baru ini, ada sebahagian suami yang kurang bertanggungjawab dalam melaksanakan tuntutan *mut'ah* ini. Dan menganggap hak tuntutan ini sebagai perkara yang remeh. Dengan itu telah jelas dan nyata bak kata pepatah Melayu terang lagi bersuluh bahawa masyarakat Islam kurang berpengetahuan tentang hak tuntutan *mut'ah* ini. Maka disebabkan itu, penyelidik telah membuat pilihan tajuk yang berkaitan dengan *mut'ah* supaya dapat penulis memperluaskan lagi pengetahuan masyarakat Islam dalam hak tuntutan *mut'ah*. Malah sebelum

penyelidik membuat kajian ini, penulis juga termasuk di dalam golongan masyarakat yang kurang pengetahuan mengenai hak dalam tuntutan *mut'ah*.

## **BAB 2**

### **KONSEP *MUT'AH* MENURUT PANDANGAN ISLAM**

#### **2.0 PENGENALAN TERHADAP *MUT'AH*.**

Bermula dari awal perkahwinan, Islam telah memberikan segala tunjuk ajar dan kaedah-kaedah bagaimana untuk melayari bahtera rumahtangga supaya rumahtangga tersebut kekal kukuh dan aman bahagia serta harmoni dan sentiasa dirahmati Allah. Namun begitu seandainya

perkahwinan tersebut tidak dapat lagi diselamatkan dan tidak sampai ke penghujungnya, Islam tidak membiarkan institusi itu terlerai tanpa menetapkan peraturan-peraturan dan tanggungjawab yang perlu diselesaikan sebelum individu terlibat memilih jalan masing-masing.

Dan diantara tanda keprihatinan agama Islam ialah mewajibkan suami yang menceraikan isterinya supaya membayar bayaran saguhati yang dinamakan *mut'ah al-talaq*. *Al-Qurtubi* dalam mentafsirkan ayat 229 surah Al-Baqarah terutama bagi maksud perkataan "*tasrih bi ihsan*" menyatakan bahawa menceraikan dengan cara yang baik dan termasuk dalam berbuat baik kepada isteri selepas perceraian ialah memberikannya *mut'ah* sebagai satu pemberian yang boleh menyenangkan hatinya akibat dari perceraian tersebut.<sup>2</sup>

Sungguhpun suami boleh menggunakan kuasa *talaq* keatas isterinya, syarak tidak pula membiarkan isteri yang diceraikan itu begitu sahaja tanpa pembelaan. Bahkan syarak telah menetapkan imbuhan sewajarnya keatas isteri tersebut kerana tindakan suaminya itu. *Mut'ah* pada dasarnya ialah sepasang pakaian yang menutupi aurat perempuan yang dipakai ketika keluar dari rumah suaminya. Sebanyak-banyak *mut'ah* yang diberi oleh suaminya kepada bekas isterinya ialah kira-kira separuh daripada jumlah mas kahwin yang diterima. Jika lebih daripada jumlah tersebut ia dikira sebagai *tabarru* atau derma daripada pihak suami kepada bekas isterinya.<sup>3</sup>

## **2.1 DEFINISI MUT'AH MENURUT PANDANGAN ISLAM DARIPADA SUDUT BAHASA DAN ISTILAH.**

Dari sudut bahasa *mut'ah* ialah berasal daripada perkataan arab iaitu, *al-Mata'* yang bermaksud benda yakni sesuatu yang boleh dimanfaatkan seperti makanan atau perkakasan rumah. *Al-Mata'* juga bermaksud suatu lebih daripada perkara yang sedia dimiliki dan boleh dimanfaatkan. *Mut'ah al-talak* adalah sebahagian dari pengertian tersebut kerana wanita yang

---

<sup>2</sup> Raihanah Abdullah, (2001), Wanita Dan Perundangan Islam, Ilmiah Publishers, Hal. 141.

<sup>3</sup> Salleh Ismail, (2003), Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh Dan Undang-Undang Keluarga Islam, Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur, Hal. 125.

diceraikan selain daripada mendapat nafkah *'iddah* dan mahar yang tertanggung dia juga berhak mendapat *mut'ah* dan dengan pemberian tersebut dia mendapat manfaat darinya dan dia akan merasa senang dengan pemberian tersebut. Pengarang *Mu'jam Al-Wasit* pula mengertikan *mut'ah* sebagai sesuatu yang diberikan selepas berlakunya perceraian dan pemberian itu samada berbentuk harta atau pembantu rumah.<sup>4</sup>

Dari segi istilah pula, golongan *Al-Syafi'yyah* memberi erti *mut'ah* sebagai satu bentuk satu pembayaran yang wajib ke atas suami untuk membayar kepada isteri yang diceraikan. Manakala golongan *Malikiyyah* pula berpendapat *mut'ah* ialah satu pemberian ihsan kepada wanita yang diceraikan dan kadarnya bergantung kepada kedudukan suami dari segi kaya miskinnya. Secara umumnya, *mut'ah* ialah suatu pemberian dari suami kepada bekas isterinya selepas perceraian dan pemberian itu samada dalam bentuk harta atau benda yang senilai dengannya dan boleh dimanfaatkan. Ia dinamakan *mut'ah* kerana wanita yang diceraikan akan mendapat manfaat daripada pemberian tersebut dan pemberian itu bertujuan meringankan bebanan isteri yang bakal menempuh kehidupannya bersendirian, menjaga keperibadiannya serta sebagai tanda memuliakan dirinya untuk mengelak tanggapan mesyarakat yang sentiasa beranggapan negatif terhadap peranan isteri di dalam perceraian yang berlaku.

## 2.2 DALIL PENSYARIATAN TUNTUTAN *MUT'AH*.

Peruntukkan mengenai *mut'ah* telah disebutkan dengan jelas dalam ayat-ayat Allah dalam surah-surah tersebut :<sup>5</sup>

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نَكَحْتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ

تَعْتَدُونَهَا ۖ فَمَتَّعُوهُنَّ وَسَرَخُوهُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا

<sup>4</sup> Raihanah Abdullah, (2001), Wanita Dan Perundangan Islam, Ilmiah Publishers, Hal. 142.

<sup>5</sup> Raihanah Abdullah, (2001), Wanita Dan Perundangan Islam, Ilmiah Publishers, Hal. 143

Terjemahannya:

“Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu menikahi perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu mencampurinya maka sekali-sekali tidak wajib atas mereka 'iddah bagimu yang kamu minta menyempurnakannya. Maka berilah mereka mut'ah dan lepaskanlah mereka itu dengan cara yang sebaik-baiknya.”

(Surah al-Ahzab 33:45)

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا لَهُنَّ فَرِيضَةً ۖ وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَى الْمَوْسِعِ قَدْرَهُ  
وَعَلَى الْمُفْتَرِ قَدْرُهُ مَتَاعًا بِالْمَعْرُوفِ ۖ حَقًّا عَلَى الْمُحْسِنِينَ

Terjemahannya:

“Tidak ada kewajiban membayar (mahar) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka dan sebelum kamu menentukan maharnya. Dan hendaklah kamu berikan suatu mut'ah (pemberian) kepada mereka. Orang yang mampu menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya (pula), yaitu pemberian menurut yang patut. Yang demikian itu merupakan ketentuan bagi orang-orang yang berbuat kebajikan.”

(Surah al-Baqarah 2:236)

### 2.3 TUJUAN PENSYARIATAN TUNTUTAN MUT'AH.

*Mut'ah* yang diberikan kepada bekas isteri yang diceraikan itu menepati sebagai imbuhan atau ganti rugi untuk menghapuskan rasa kesunyian akibat perceraian yang telah berlaku kepada wanita tersebut. *Mut'ah* juga bertujuan untuk memperbaiki hubungan serta mengurangi penderitaan yang ditanggung oleh pihak bekas isteri yang diceraikan itu.<sup>6</sup>

---

<sup>6</sup> Salleh Ismail, (2003), Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh Dan Undang-Undang Keluarga Islam, Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur, Hal. 126.

Pada pandangan Pengerusi Jawatankuasa Rayuan terhadap tujuan tuntutan *mut'ah* adalah bertujuan untuk menutup rasa malu yang dialami oleh isteri, menghindari fitnah dan sebagai asas untuk memulakan hidup bersendirian. Isteri yang diceraikan akan berasa malu dan mungkin menerima prasangka buruk dari masyarakat sekeliling. Untuk menghilangkan prasangka buruk bahawa perempuan itu telah diceraikan kerana iab yang ada pada dirinya, maka *mut'ah* diwajibkan keatas suami.”<sup>7</sup>

#### **2.4 HUKUM TERHADAP BAYARAN TUNTUTAN *MUT'AH*.**

Para fuqaha' bersependapat tentang hukum wajibnya *mut'ah* kepada perempuan yang diceraikan kecuali al-Imam Malik menyatakan bahawa hukum pemberian *mut'ah* adalah sunat.<sup>8</sup>

Namun begitu ada sebahagian para ulama' berlainan pendapat dalam menentukan hukum memberi suguhati kepada isteri yang telah diceraikan. Antaranya *Abu Thur* berpendapat *mut'ah* diberi kepada semua isteri yang telah diceraikan. Isteri-isteri yang berhak mendapat separuh daripada mas kahwinnya ketika beliau diceraikan, juga berhak mendapat *mut'ah* daripada bekas suaminya. Hasan Al-Basri juga bersependapat bahawa *mut'ah* wajib diberi kepada setiap orang isteri yang diceraikan, samada mas kahwinnya disebut dalam akad ataupun tidak. Manakala mazhab Maliki pula berpendapat bahawa *mut'ah* adalah sunat dan tiada seorang pun daripada isetri yang diceraikan wajib diberi *mut'ah* kepadanya.<sup>9</sup>

Sementara Ibn Qasim pula berpendapat *mut'ah* merupakan hak isteri yang boleh dipusakai. Sekiranya seorang suaminya itu tidak memberi *mut'ah* kepada isterinya kerana jahil, maka apabila beliau mengetahui tentangnya, hendaklah suami tersebut membayar kepada bekas

---

<sup>7</sup> Abdul Monir Yacoob dan Siti Shamsiah Md Supi, (2006), Keperluan Kepada Manual Mengenai Undang-undang Keluarga Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia, hal 408.

<sup>8</sup> Raihanah Abdullah, (2001), Wanita Dan Perundangan Islam, Ilmiah Publishers, Hal. 145

<sup>9</sup> Salleh Ismail, (2003), Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh Dan Undang-Undang Keluarga Islam, Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur, Hal. 127.

isterinya itu biarpun isterinya telah berkahwin dengan perkahwinan baru dengan lelaki lain. Sekiranya jandanya itu telah meninggal dunia, hendaklah ia membayar *mut'ah* tersebut kepada waris-warisnya. Ini kerana hak isteri yang wajib ditunaikan oleh suami.

Setelah dilihat pendapat-pendapat para ulama' jelaslah hukum terhadap tuntutan *mut'ah* daripada seorang suami kepada bekas isterinya bukanlah suatu perkara yang boleh dipandang ringan atau dilupakan. Ini kerana suatu tuntutan daripada Allah SWT ke atas seorang suami kepada isterinya setelah berlakunya perceraian. Tuntutan ini setaraf dengan bayaran nafkah dan mas kahwin yang menjadi hak seorang perempuan yang bergelar isteri selepas berlakunya akad dalam sesebuah perkahwinan.<sup>10</sup>

## 2.5 KADAR TUNTUTAN *MUT'AH*.

Kadar untuk memberi *mut'ah* kepada bekas isteri tidak ditetapkan oleh syarak malahan juga tidak ada sebarang nas yang *sahih* di dalam al-Quran dalam menentukan kadar yang tertentu ini kerana sebagai pemberian sagu hati kepada bekas isteri yang telah diceraikan. Kadar pemberian *mut'ah* ini bergantung kepada kemampuan seorang suami untuk menyediakannya sepertimana yang firman Allah:

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا لَهُنَّ فَرِيضَةً ۚ وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَى الْمَوْسِعِ قَدْرَهُ  
وَعَلَى الْمُفْتَرِ قَدْرُهُ مَتَاعًا بِالْمَعْرُوفِ ۚ حَقًّا عَلَى الْمُحْسِنِينَ

Terjemahannya:

*“Tidak ada kewajiban membayar (mahar) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka dan sebelum kamu menentukan maharnya. Dan hendaklah kamu berikan suatu mut'ah (pemberian) kepada mereka. Orang yang mampu*

---

<sup>10</sup> Ibid, Hal. 128

*menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya (pula), yaitu pemberian menurut yang patut. Yang demikian itu merupakan ketentuan bagi orang-orang yang berbuat kebajikan.”*

(Surah al-Baqarah 2:236)

Dengan berpandukan ayat al-Quran di atas, jelas bahawa pemberian *mut'ah* adalah mengikut kemampuan dan kedudukan kewangan suami tersebut tanpa menjelaskan kadar minima dan kadar yang maksima. Namun begitu fuqaha' mempunyai pandangan yang berbeza terhadap kadar tersebut dan dalam mentafsirkan nas berkenaan.

Golongan al-Hanafiah berpendapat, kadar tersebut hendaklah tidak melebihi kadar separuh daripada *mahr mithil* sekiranya suami seorang yang berkemampuan atau berada. Jika suami seorang yang kurang mampu atau susah, kadar tersebut hendaklah tidak kurang daripada lima *dirham*. Jika berlaku perselisihan dalam penentuan kadar ini ia hendaklah ditentukan oleh hakim dengan merujuk kepada keadaan suami dan isteri dari segi kedudukan kewangan sama ada senang atau susah. Dalam hal ini mereka beralih kepada surah al-Baqarah ayat 236. Imam Malik dan al-Malikiyyah bersependapat dengan pendapat golongan al-Hanafiah dengan berlandaskan ayat 236 surah al-Baqarah.

Manakala al-Syafi'yyah pula berpendapat *mut'ah* tidak boleh melebihi 30 *dirham* dan disunatkan tidak melebihi kadar separuh mahar. Sekiranya lebih daripada kadar separuh mahar ia diharuskan berdasarkan kepada ayat 236 surah al-Baqarah. Menurut pandangan yang paling berautoriti dalam Mazhab Shafi'i, kadar *mut'ah* harus melebihi kadar separuh mahar kerana ayat di atas adalah umum (tidak ditentukan kadar). Sekiranya kadar tersebut ditentukan oleh hakim, maka ia perlu dilihat kepada keadaan suami dan isteri dari segi kedudukan mereka.

*Al-Hanabilah* pula mempunyai dua pandangan dalam hal ini. Pertamanya, ia bergantung kepada ijtihad Hakim. Kadar yang tertentu tidak ditetapkan oleh syarak seperti kadar nafkah dan ini memerlukan ijtihad para hakim. Kedua, kadar maksima *mut'ah* adalah seumpama nilai



seorang orang suruhan. Kadar minimanya ialah pakaian yang boleh menutupi aurat ketika sembahyang dan kadar sederhana ialah nilai antara kedua-duanya. Hanya kedudukan suami dari segi kaya miskinnya sahaja yang dirujuk dalam penentuan kadar tersebut.<sup>11</sup>

Menurut Ibn Hazm Al-Zahiri membahaskan pandangan al-Syafie yang menolak *mut'ah* untuk wanita yang diceraikan selepas difardhukan mahar dengan menyatakan Allah SWT di dalam firmanNya yang bermaksud “bahawa untuk wanita yang diceraikan sebelum persetubuhan tetapi sudah ditentukan mahar”, dalam masa yang sama Allah SWT tidak menafikan bahawa mereka tidak berhak mendapat *mut'ah* kepada mereka melalui ayat 241 surah al-Baqarah.

وَالْمُطَلَّاتِ مَتَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ ۖ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ

*Terjemahannya:*

*“Kepada wanita-wanita yang diceraikan (hendaklah diberikan oleh suaminya) mut'ah menurut yang ma'ruf, sebagai suatu kewajiban bagi orang-orang yang bertakwa.”*

(Surah al-Baqarah 2:241)

Al-Imam al-Zahiri pula menyatakan kadar tersebut tidak ditentukan oleh Allah dalam mana-mana ayatNya. Begitu juga Rasulullah SAW tidak pernah menyatakan kadar *mut'ah* yang tertentu. Menurut mereka, dalam hal ini amalan para sahabat harus dijadikan pertimbangan dalam menentukan kadar *mut'ah* dan kebiasaan masyarakat harus dijadikan panduan bagi penentuan tersebut.

Berdasarkan kepada semua pandangan di atas jelas bahawa kadar *mut'ah* tidak ditentukan secara jelas dan mutlak di dalam al-Quran dan Hadis. Jelasnya, dalam penentuan kadar *mut'ah* apa yang penting ialah keredhaan kedua-dua pihak suami dan isteri. Tetapi jika

---

<sup>11</sup> Raihanah Abdullah, (2001), Wanita Dan Perundangan Islam, Ilmiah Publishers, Hal. 156-157

tidak tercapai satu persetujuan maka penentuan akan dibuat oleh hakim. Penentuan kadar telah digariskan oleh syarak dengan nilai, kedudukan susah senang atau kaya miskin suami dan sifat serta keadaan isteri. Sifat ialah perwatakan seorang isteri dan keadaan pula ialah status keluarga atau keturunan dalam masyarakat. Umpamanya, lagi baik perwatakan seorang isteri dan lagi tinggi statusnya, lagi tinggi nilai *mut'ah* yang perlu dibayar oleh suami. Kaya atau miskin ialah nilai dari segi perolehan dan penilaian.

Perkara ini ada disebutkan dengan jelas di dalam *Kitab I'nat Al-Talibin* bahawa “apabila bertelingkah kedua-dua pihak tentang kadar (jumlah) *mut'ah* maka mahkamah hendaklah menilainya mengikut kadar yang ia berhak dengan mengambilkira kedudukan kewangan suami dan keturunan serta sifat isteri.”<sup>12</sup>

## **2.6 WANITA YANG LAYAK MENDAPAT *MUT'AH*.**

Meskipun para fuqaha' bersependapat tentang kewajipan memberi *mut'ah* tetapi mereka berselisih pendapat tentang golongan wanita yang berhak menerima *mut'ah*.

Fuqaha' dari kalangan Hanafi dan Hanbali berpendapat hanya wanita yang diceraikan sebelum berlaku persetubuhan dan sebelum difardhukan mahar pada masa akad berhak mendapat *mut'ah* kecuali al-Imam Abu Hanifah dan juga Imam Ahmad mewajibkan *mut'ah* kepada wanita yang diceraikan sebelum disetubuhi tetapi ditentukan mahar selepas berlakunya akad perkahwinan.

Golongan ini merujuk kepada ayat 236-237 surah Al-Baqarah sebagai satu ketetapan terhadap hukum tersebut:

---

<sup>12</sup> Ibid, hal.158

عَلَى الْمَوْسِعِ قَدْرُهُ لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ طَلَقْتُمْ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا لَهُنَّ فَرِيضَةً وَمَتَّعُوهُنَّ  
وَعَلَى الْمُفْتَرِ قَدْرُهُ مَتَاعًا بِالْمَعْرُوفِ ۗ حَقًّا عَلَى الْمُحْسِنِينَ

Terjemahannya:

“Tidak ada kewajiban membayar (mahar) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka dan sebelum kamu menentukan maharnya. Dan hendaklah kamu berikan suatu mut'ah (pemberian) kepada mereka. Orang yang mampu menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya (pula), yaitu pemberian

menurut yang patut. Yang demikian itu merupakan ketentuan bagi orang-orang yang berbuat kebajikan”.<sup>13</sup>

وَإِنْ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ وَقَدْ فَرَضْتُمْ لَهُنَّ فَرِيضَةً فَنِصْفُ مَا فَرَضْتُمْ إِلَّا أَنْ يَعْفُونَ أَوْ يَعْفُو  
الَّذِي بِيَدِهِ عُقْدَةُ النِّكَاحِ ۗ وَأَنْ تَعْفُوا أَقْرَبُ لِلتَّقْوَى ۗ وَلَا تَنْسُوا الْفَضْلَ بَيْنَكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Terjemahannya:

“Jika kamu menceraikan isteri-isterimu sebelum kamu bercampur dengan mereka, padahal sesungguhnya kamu sudah menentukan maharnya, maka bayarlah seperdua dari mahar yang telah kamu tentukan itu, kecuali jika isteri-isterimu itu memaafkan atau dimaafkan oleh orang yang memegang ikatan nikah, dan pemaafan kamu itu lebih dekat kepada takwa. Dan janganlah kamu melupakan keutamaan di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang kamu kerjakan.”

(Surah al-Baqarah 2:236-237)

---

<sup>13</sup> Ibid,hal.145

Allah SWT telah menjelaskan di dalam ayat tersebut dan telah menjelaskan tentang hukum-hukum yang khususnya kedua-dua kategori wanita yang diceraikan:

1. Jika wanita tersebut diceraikan sebelum persetubuhan tetapi belum ditentukan maharnya semasa akad dia diperuntukkan *mut'ah*.
2. Dan jika dia diceraikan sebelum persetubuhan tetapi sudah ditentukan maharnya (*mahr musamma*) sama ada semasa atau selepas akad perkahwinan dia berhak mendapat separuh daripada *mahr musamma* tersebut. Ini adalah satu penjelasan bahawa terdapat hukum yang tertentu untuk tiap-tiap kategori wanita tersebut dan bagi lain-lain kategori wanita tersebut dan bagi lain-lain kategori wanita yang diceraikan, *mut'ah* hanya sunat diberikan kepada mereka wanita yang diceraikan berasaskan ayat 241 surah al-Baqarah :

وَالْمُطَلَّقاتِ مَتاعٌ بِالْمَعْرُوفِ ۖ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ

Terjemahannya:

“Kepada wanita-wanita yang diceraikan (hendaklah diberikan oleh suaminya) *mut'ah* menurut yang *ma'ruf*, sebagai suatu kewajiban bagi orang-orang yang bertakwa.”

(Surah al-Baqarah 2:241)

Namun begitu pandangan ini ditolak oleh Ibn Hazm al-Zahiri dengan hujjahnya bahawa jika hanya terdapat satu ayat atau dalil sahaja tentang kefardhuan *mut'ah* iaitu ayat 236 surah al-Baqarah, pandangan ini harus diterima secara kolektif, namun di sana terdapat banyak<sup>14</sup> ayat-ayat lain yang jelas menunjukkan *mut'ah* adalah wajib bagi semua wanita yang diceraikan seperti ayat 241 dalam surah al-Baqarah :

---

<sup>14</sup> Ibid, hal 147

وَالْمُطَلَّقاتِ مَتاعًا بِالْمَعْرُوفِ ۗ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ

Terjemahannya:

“Kepada wanita-wanita yang diceraikan (hendaklah diberikan oleh suaminya) *mut'ah* menurut yang *ma'ruf*, sebagai suatu kewajiban bagi orang-orang yang bertakwa.”

(Surah al-Baqarah 2:24)

Ayat di atas menghimpunkan kesemua kategori wanita yang diceraikan sama ada sebelum atau selepas persetubuhan, difardhukan mahar atau tidak semasa akad. Imam Malik dan semua kalangan fuqaha' Maliki berpendapat *mut'ah* bukanlah satu pemberian yang wajib, tetapi ia hanya sunat diberikan kepada wanita-wanita yang diceraikan.

Menurut mereka berdasarkan ayat 236 dan ayat 241 surah al-Baqarah jelas menunjukkan hukum memberi *mut'ah* adalah sunat. Seandainya pemberian *mut'ah* ini wajib ayat ini tidak akan diakhiri dengan *al-muhsinin* dan *al-muttaqin*. Dalam setiap kewajiban yang berbentuk fardhu, Allah tidak akan membeza-bezakan antara golongan yang *muttaqin* dan *muhsinin* dengan golongan yang selainnya, yang bermaksud suatu kewajiban bagi orang yang bertakwa. Oleh itu, hukum memberi *mut'ah* adalah sunat sahaja kerana ayat di atas khusus bagi orang yang ingin membuat kebajikan dan orang yang bertakwa.

Pandangan ini kemudiannya dikritik oleh *al-Jassas* dan *al-Tabari* bahawa ayat di atas di akhiri dengan *al-muttaqin* dan *al-muhsinin* untuk menguatkan lagi hujah bahawa *mut'ah* itu suatu yang wajib dan *takhsis* ayat ini dengan *al-muttaqin* dan *al-muhsinin* tidaklah menafikan kewajiban pemberian *mut'ah* kepada mereka yang bukan *muttaqin* dan *muhsinin* seperti juga ayat “*wa hudan wa mau'izatan lil muttaqin*” yang bermakna petunjuk untuk semua manusia

dan ia bukanlah bermaksud apabila Allah menjanjikan petunjuk untuk orang-orang yang bertakwa di masa yang sama menafikan petunjuk untuk manusia seluruhnya, ayat ini mengertikan petunjuk untuk semua manusia termasuk *muttaqin* dan yang *haqqan 'ala al-muhsinin* dan lain selain *al-muttaqin* dan *al-muhsinin* malah Allah menghendaki hamba-hambanya tergolong dikalangan *muhsinin* dan *muttaqin* dengan menunaikan kewajipan ini. Bahkan jika kewajipan ini menjadi suatu yang mesti ke atas orang-orang yang *muttaqin* dan *muhsinin* adalah lebih pasti lagi ia menjadi kewajipan kepada mereka yang selainnya.

Meskipun, golongan Malikiyyah berpendapat dengan ayat ini *mut'ah* hanya difardhukan ke atas orang-orang yang *muttaqin* dan *muhsinin*, tetapi terdapat juga ayat-ayat lain yang menunjukkan bahawa *mut'ah* juga diwajibkan kepada golongan yang selainnya melalui ayat 49 surah al-Ahzab dan ayat ini satu perintah yang berbentuk umum bagi menunaikan kewajipan tersebut samada kepada golongan *muttaqin* dan *muhsinin*, juga selainnya.

Tetapi al-Imam al-Syafi dalam pandangannya yang terkini berpendapat bahawa *mut'ah* adalah wajib untuk semua wanita yang diceraikan sama ada sebelum atau selepas persetubuhan kecuali wanita yang diceraikan sebelum berlaku persetubuhan tetapi sudah difardhukan mahar pada masa akad, kerana dia berhak untuk mendapat separuh dari mahar yang difardhukan dan dengan itu dia tidak layak lagi menerima *mut'ah*. Bagi wanita yang memohon cerai *khulu'* juga berhak mendapat *mut'ah*.

Pandangan mereka berdasarkan ayat 236 dalam surah al-Baqarah dan mereka berpendapat perintah yang terkandung dalam ayat tersebut umum untuk semua wanita yang diceraikan kecuali mereka yang diceraikan sebelum persetubuhan tetapi sudah ditentukan mahar. Ayat ini secara jelas menunjukkan bahawa semua wanita yang diceraikan berhak mendapat *mut'ah* kecuali mereka yang dikecualikan oleh Allah dalam ayat al-Baqarah 237.<sup>15</sup>

---

<sup>15</sup> Ibid, hal.148

وَالْمُطَلَّاتِ مَتَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ ۖ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ

Terjemahannya:

“Kepada wanita-wanita yang diceraikan (hendaklah diberikan oleh suaminya) *mut'ah* menurut yang *ma'ruf*, sebagai suatu kewajiban bagi orang-orang yang bertakwa.”

( Surah al-Baqarah 2:241)

Ayat 237 memperuntukkan mahar untuk mereka, dengan yang demikian mereka tidak berhak lagi mendapat *mut'ah*. Bagi mereka yang diceraikan setelah disetubuhi, berhak mendapat *mut'ah* berdasarkan ayat 28 dalam surah al-Ahzab yang bermaksud:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِأَزْوَاجِكَ إِن كُنْتُمْ تُرِيدُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيْنَ أُمَتِّعْكُنَّ  
وَأَسْرِحْكُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا

Terjemahannya:

“Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu”: Jika kamu sekalian mengingini kehidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah supaya kuberikan kepadamu *mut'ah* dan aku ceraikan kamu dengan cara yang baik.

(Surah al-Ahzab 33:28)

Golongan ini termasuk dalam pengertian ayat *wa li al-mutallaqati mata 'un bi al-ma'ruf*. Bagi perceraian yang dipohon oleh isteri mereka tidak akan mendapat *mut'ah* kecuali perceraian *khulu'* kerana mereka berpendapat *khulu'* seperti juga *talaq* menurut pendapat yang *sahih*.

Alasan bagi al-Syafi'i memperuntukkan *mut'ah* kepada golongan wanita ini (yang diceraikan suami bukan atas kerelaan mereka atau bukan perceraian yang dipohon atau

disebabkan oleh isteri) ialah kerana perceraian itu akan menyebabkan kesusahan kepada mereka sedangkan mereka tidak menghendaki perceraian tersebut.

Ibn Hazm al-Zahiri membahaskan pandangan al-Syafi'i yang menolak *mut'ah* untuk wanita yang diceraikan selepas difardhukan mahar dengan menyatakan Allah SWT apabila Dia berfirman yang bermaksud “bahawa untuk wanita yang diceraikan sebelum persetubuhan tetapi sudah ditentukan mahar”, dalam masa yang sama Allah SWT tidak menafikan bahawa mereka tidak berhak mendapat *mut'ah* malah memerintahkan pemberian *mut'ah* kepada mereka melalui ayat 241 surah al-Baqarah. Bagi wanita tersebut dia berhak mendapat separuh mahar juga *mut'ah* menurut Ibn Hazm.<sup>16</sup>

Namun begitu, al-Imam al-Zahiri mewajibkan *mut'ah* untuk semua wanita yang dicerai hidup atau mati, sebelum atau selepas persetubuhan, difardhukan mahar atau tidak, malah jika suami menceraikan isterinya kemudian merujuknya kembali pada masa *'iddah*, dia masih dikehendaki membayar *mut'ah* tersebut. Isteri yang memohon *fasakh* juga berhak mendapat *mut'ah*, begitu juga bagi isteri yang memohon perceraian melalui *khulu'* dan bagi mereka (*al-Zahiriyyah*) hanya wanita yang *difasakh* oleh suaminya (suami *fasakh* isteri kemungkinan atas sebab-sebab isteri mempunyai aib atau berpenyakit yang boleh membahayakan hubungan suami isteri) tidak berhak mendapat *mut'ah*.

Kalangan ini berhujah dengan ayat 237 dan 241 surah al-Baqarah kerana ayat ini menunjukkan bahawa Allah SWT mewajibkan *mut'ah* untuk semua wanita yang diceraikan dan tidak ada ayat yang lain yang *mentakhsiskan* golongan wanita yang berhak menurut ayat tersebut.

---

<sup>16</sup> Ibid, hal.149



Meneliti kesemua pandangan di atas jelaslah bahawa fuqaha' bersependapat *mut'ah* diwajibkan ke atas suami apabila perceraian terjadi dengan kehendak suami, kecuali Ibn Hazm al-Zahiri memperuntukan juga *mut'ah* kepada perceraian yang berlaku perceraian *khulu'* menurut al-Syafi'i dan Ibn Hazm.<sup>17</sup>

Menurut Imam Shafie pemberian *mut'ah* adalah wajib. Terdapat tiga keadaan yang mewajibkan pihak bekas suami membayar *mut'ah* kepada bekas isterinya:

- 1) Isteri yang diceraikan sebelum berlaku persetubuhan dan belum ditentukan maharnya. Akan tetapi jika dia telah diberikan sebahagian maharnya, dia tidak lagi berhak untuk menuntut *mut'ah*.
- 2) Isteri yang sudah disetubuhi dan telah ditetapkan maharnya.
- 3) Isteri yang sudah disetubuhi, tetapi belum ditetapkan maharnya.

## **2.7 SEBAB-SEBAB PENGGUGURAN TUNTUTAN *MUT'AH*.**

- i. Pembubaran perkahwinan dari pihak isteri seperti isteri menfasakhkan nikah kerana ketidakmampuan suami memberi nafkah zahir.
- ii. Pembubaran perkahwinan dengan sebab-sebab yang ada pada isteri seperti difasakh oleh suami kerana keaiban yang ada pada isteri atau isteri murtad.
- iii. Perpisahan kerana kematian.
- iv. Isteri nusyuz. Apa yang dimaksudkan dengan isteri nusyuz ini ialah isteri yang tidak mentaati suaminya. Melakukan sesuatu perkara yang tidak elok dibelakang suaminya. Meninggikan suaranya kepada suaminya itu merupakan salah satu perbuatan nusyuz.

---

<sup>17</sup> Ibid, Hal. 145

Seperti yang dinyatakan di atas bahawa peruntukkan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia mengambil kira pandangan Imam al-Syafi'i dalam menentukan kategori wanita yang berhak menerima *mut'ah*. Namun dalam hal ini, adalah wajar melihat pandangan yang dikemukakan oleh Ibn Hazm al-Zahiri secara positif dalam hal pemberian *mut'ah* jika isteri memohon *fasakh*. Ini adalah kerana apabila isteri memohon *fasakh*, dan *fasakh* tersebut adalah disebabkan daripada suami sedangkan isteri berkemungkinan tidak menghendaki sedemikian seperti keaiban suami atau *iqrar* suami kerana tidak memberi nafkah, maka adalah wajar isteri tersebut mendapat *mut'ah*. Keadaan seperti ini menyusahkan isteri untuk isteri berada dalam ikatan perkahwinan dan jalan keluar ialah memohon *fasakh* dan sudah tentu perceraian ini akan menyusahkannya. Jika perceraian *khulu'* yang berlaku atas kehendak isteri dia masih berhak mendapat *mut'ah* kepada isteri yang memohon *fasakh* atas sebab-sebab yang ada pada suami.

18

## 2.8 KESIMPULAN

Di dalam bab dua ini dijelaskan secara terperinci tentang hak tuntutan *mut'ah* menurut pandangan islam. Antara perkara penting yang dapat disunting di dalam bab ini ialah hukum dalam memberi *mut'ah* kepada bekas isteri adalah sunat menurut pandangan Imam Malik dan wajib bagi pandangan para fuqaha' yang lain. Wanita yang layak untuk mendapat *mut'ah* adalah wanita yang ketika di dalam perkahwinannya dia seorang yang taat kepada suami dan bertanggungjawab. Manakala wanita yang tidak layak untuk mendapatkan hak tuntutan *mut'ah* ialah isteri yang nusyuz iaitu isteri yang menderhakai suaminya. Kadar di dalam *mut'ah* ini adalah tidak ditetapkan kerana tidak ada nas-nas al-Quran dan hadis yang terperinci dan dapat dirujuk.

---

<sup>18</sup> Ibid, hal 154-155

## **BAB 3**

### ***MUT'AH* MENURUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM**

#### **3.0 PENGENALAN**

Jika kita ingin membicarakan tentang hak wanita dalam Undang-Undang Keluarga amatlah luas tentunya. Ianya sama seperti hak-hak yang dinikmati oleh lelaki. Namun, hak mereka sebagai manusia, hak sebagai anak, sebagai isteri, sebagai balu, sebagai janda, sebagai ibu dan nenek dan sebagainya masing-masing mempunyai hak yang tertentu dan berbeza di setiap pangkat.

Di dalam perbincangan ini tumpuan akan diberikan kepada hak wanita yang dijelaskan di dalam Undang-Undang Keluarga Islam. Sesuai dengan tempat masa dan suasana kertas yang dibincangkan, maka saya akan menjadikan Undang-Undang Keluarga Islam, Wilayah-Wilayah Persekutuan asasnya juga kerana peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam undang-undang ini juga terdapat di dalam Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri lain contohnya di Pahang, Perak, Kedah dan sebagainya.

Institusi keluarga ialah sebuah institusi yang paling lama dan awal dalam sejarah tamadun manusia. Undang-Undang Keluarga pula merupakan peraturan dan undang-undang yang pertama diadakan untuk manusia iaitu Nabi Adam dan Hawa mempunyai keluarga. Undang-undang atau peraturan hidup sesebuah masyarakat itu berubah mengikut keadaan dan masa. Apabila kehidupan manusia berpegang kepada agama, kehidupan mereka mulai dipandu oleh norma-norma adat dan aturan agama. Apabila Islam diturunkan ditengah-tengah masyarakat Arab Jahiliah, Islam masih menerima sebahagian norma hidup, masyarakat Arab

ini dan menolak sebahagian norma mereka seperti amalan bagi wanita memiliki lebih daripada seorang suami dan orang lelaki pula boleh memiliki ramai isteri.

Ada pendapat yang mengatakan, undang-undang pertama yang dicipta oleh manusia ialah peraturan keluarga, yang lahir bersama dengan manusia. Ketua bagi sesebuah keluarga atau kabilah itu ialah 'hakim' pertama sebelum terpilihnya hakim yang dilantik oleh pemerintah. Pada peringkat permulaan 'bapa' mempunyai kuasa mutlak ke atas keluarganya. Dia boleh melakukan dan menjatuhkan apa juga bentuk hukuman ke atas keluarganya. Apabila keluarga itu membesar, terbentuklah suku dan kabilah yang pada masa itu lahirlah pula perlantikan ketua kabilah. Pada hakikatnya ketua kabilah ialah ketua bagi keluarga-keluarga dikawasan tertentu. Kepadaanya pengaduan dibuat untuk mendapatkan penyelesaian dalam apa-apa pertikaian dalam keluarga tersebut.

Namun sesetengah adat resam tidak mempunyai kedudukan yang tertentu umpamanya Adat Papatih. Ini dapat dilihat dalam peraturan pernikahan dan perkahwinan. Begitu juga dengan hak milik ke atas harta tak alih seperti tanah dan rumah. Setiap individu dalam mana-mana keluarga tidak memiliki hak milik secara berasingan bahkan segala harta akan menjadi milik bersama sesebuah keluarga tersebut itu. Begitu juga dengan pihak isteri yang tidak mempunyai hak keatas harta suami.

Sebagai pengetahuan ada beberapa bentuk perceraian di kalangan orang jahiliah seperti perceraian cara *talaq, ila'* dan *khuluk*. Kuasa untuk menceraikan isteri terletak kepada suami. Suami bebas menceraikan isteri tanpa syarat dan pada bila-bila masa sahaja. Dalam keadaan tertentu, perempuan daripada golongan bangsawan juga berhak menceraikan suaminya. Perceraian secara *talaq* juga sebenarnya berlaku dikalangan orang Rom dan Greek. Agama yahudi mengharuskan *talaq* sementara ajaran kristian mengharamkannya.

### **3.1 BAGAIMANA TUNTUTAN *MUT'AH* BOLEH BERLAKU.**

Hak tuntutan *mut'ah* akan berlaku apabila berlakunya pembubaran perkahwinan yakni perceraian. Perceraian ini adalah suatu perkara yang halal tetapi tidak disukai Allah SWT seperti yang diingatkan oleh Nabi Muhammad SAW, iaitu perkara yang halal tetapi dibenci oleh Allah ialah *talaq*. Dalam hukum syarak kuasa untuk menceraikan isteri terletak pada suami. Bagaimanapun suami tidak boleh melakukan sesuka hati kerana boleh membawa akibat tidak baik kepada pihak lain seperti isteri dan anak-anak. Dalam Islam terdapat beberapa bentuk perceraian<sup>19</sup>.

Dalam al-Quran ada dinyatakan mengenai *talaq* di dalam surah al-Baqarah ayat 226 :

الطَّلَاقُ مَرَّتَانٍ ۖ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَانٍ ۗ وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا مِمَّا آتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا إِلَّا أَنْ يَخَافَا أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ ۗ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا افْتَدَتْ بِهِ ۗ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا ۗ وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

*Terjemahan:*

“Talak (yang dapat dirujuki) dua kali. Setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang *ma'ruf* atau menceraikan dengan cara yang baik. Tidak halal bagi kamu mengambil kembali sesuatu dari yang telah kamu berikan kepada mereka, kecuali kalau keduanya khawatir tidak akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah. Jika kamu khawatir bahwa keduanya (suami isteri) tidak dapat menjalankan hukum-hukum Allah, maka tidak ada dosa atas keduanya tentang bayaran yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya. Itulah hukum-hukum Allah, maka janganlah kamu melanggarnya. Barangsiapa yang melanggar hukum-hukum Allah mereka itulah orang-orang yang zalim.”

(Surah al-Baqarah 2:229)

---

<sup>19</sup>Abdul Monir Yacoob dan Siti Shamsiah Md Supi, (2006), Keperluan Kepada Manual Mengenai Undang-undang Keluarga Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia, hal 405.

Di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan (1984) ada menyebutkan berkenaan *talaq* dan perlaksanaannya, perdamaian, hakam, *khulu'*, *fasakh* dan pendaftaran perceraian. Walaubagaimanapun dalam undang-undang tersebut tidak menyebut tentang perceraian disebabkan oleh *li'an* dan *zihar*. Dalam seksyen 47(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan (1984) ada memperuntukkan tentang permohonan untuk perceraian:

- i) Seseorang suami atau seseorang isteri yang hendak bercerai hendaklah menyerahkan suatu permohonan untuk perceraian kepada mahkamah dalam borang yang ditetapkan, disertai dengan suatu akuan berkanun mengandungi antara lain:
  - a) Butir-butir mengenai perkahwinan itu beserta nama, umur dan jantina anak-anak, jika ada, hasil daripada perkahwinan itu;
  - b) Butir-butir mengenai fakta-fakta yang memberi bidang kuasa kepada mahkamah di bawah seksyen 45;
  - c) Butir-butir mengenai apa-apa prosiding yang terdahulu mengenai hal-ehwal suami isteri antara pihak-pihak tertentu itu, termasuk tempat prosiding;
  - d) Suatu kenyataan tentang sebab-sebab hendak bercerai;
  - e) Suatu pernyataan tentang sama ada apa-apa dan jika ada, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai perdamaian;
  - f) Syarat apa-apa perjanjian berkenaan dengan nafkah dan tempat kediaman bagi isteri dan anak-anak daripada perkahwinan itu, jika ada peruntukan bagi penjagaan anak-anak daripada perkahwinan itu, jika ada, dan pembahagian apa-apa asset yang diperoleh melalui usaha sama bersama pihak-pihakitu, jika ada, atau, jika tiada sesuatu persetujuan tersebut telah tercapai, cadangan pemohon mengenai hal-hal itu; dan
  - g) Butir-butir mengenai perintah yang diminta.

## 3.2 KES-KES BERKAITAN TUNTUTAN *MUT'AH*

Terdapat beberapa kes yang berkaitan dengan *mut'ah* yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Kes-kes tersebut menjelaskan asas-asas yang digunakan oleh maahkamah dalam menentukan kadar *mut'ah*. Antara kes-kes yang berkaitan ialah :

### 3.2.1 Kes Noor Bee lawan Ahmad Sanusi <sup>20</sup>

Kes yang pertama adalah berkaitan dengan kadar pembayaran *mut'ah* kepada bekas isteri.

#### **Fakta kes:**

Pasangan ini telah berkahwin pada 14 November 1976 dan defenden (En.Ahmad Sanusi ) telah menceraikan plaintif (Puan Noor Bee) pada 27 Disember 1977 tanpa pengetahuan isteri dan mendaftarkannya pada 18 Mac 1978. Perceraian dibuat di Port Dickson. Pihak defenden, seorang pegawai tentera mendakwa bahawa dia telah membayar nafkah *i'ddah* dan *mut'ah* sebanyak RM200 dan telah membahagikan harta sepencarian.

#### **Keputusan mahkamah:**

Mahkamah telah memutuskan bahawa pihak defenden dikehendaki membayar RM1500 untuk tuntutan *mut'ah*.

#### **Alasan penghakiman :**

Haji Darussani bin Haji Zakaria yang merupakan Kadi Besar Pulau Pinang (pada masa itu) dalam kes tersebut menjelaskan bahawa antara lain, perkara yang berbangkit dan

---

<sup>20</sup> (1981) 1 JH (11) 63

dipertelingkahan berlaku hanya mengenai kadar pemberian *mut'ah*. Mahkamah bersetuju disebabkan oleh perceraian tersebut berlaku tanpa pengetahuan dan persetujuan pihak plaintif.

Seterusnya mahkamah menjelaskan lagi bahawa :

*“Mut'ah adalah pemberian yang diwajibkan oleh syarak kerana perceraian yang bukan dari sebab isteri kerana keaiban yang ada pada dirinya atau fasakh dari isteri sebab 'isar (ketidakmampuan) suami atau aib yang ada padanya. Ia bukan diwajibkan kerana kehilangan kasih sahaja kerana itu mut'ah juga diwajibkan dalam keadaan di mana isteri menebus ta'lik daripada suaminya.”*

*“Mut'ah juga bertujuan untuk menutup rasa malu yang dialami oleh isteri, menghindarkan fitnah dan sebagai asas untuk memulakan hidup bersendirian. Seorang isteri yang terceraai akan merasa malu dan mungkin pula menerima prasangka buruk daripada masyarakat sekelilingnya. Untuk menghilangkan prasangka buruk bahawa seorang itu diceraikan bukanlah kerana keaiban yang ada pada dirinya maka itulah mut'ah diwajibkan ke atas suami.”*

Walaupun bagaimanapun, di dalam kes ini, hak menerima *mut'ah* tidak dipersoalkan tetapi apa yang dipertikaikan ialah kaadarnya. Berdasarkan kedudukan defenden pada waktu perceraian dengan pendapatan RM700 sebulan, maka mahkamah memutuskan supaya pihak defenden membayar *mut'ah* sebanyak RM1500. Bayaran yang telah ditunaikan sebanyak RM200 ditolak daripada jumlah tersebut. Mahkamah juga memerintahkan supaya perbelanjaan mahkamah dibayar oleh pihak defenden sebanyak RM200.

### **3.2.2 Kes Ningel @ Yang Chik lawan Jamal<sup>21</sup>**

#### **Fakta kes:**

---

<sup>21</sup> (1989) VI JH (11), 243.



Pemohon dan responden telah berkahwin pada 31 Mac 1957. Dan pada 13 Disember 1982 responden telah menceraikan isterinya iaitu pemohon dan perceraian itu telah didaftarkan secara sah. Pihak pemohon telah membuat beberapa tuntutan antaranya ialah tuntutan *mut'ah* yang bernilai rm25,000 dalam Mahkamah Kadi Besar Kuala Lumpur.

### **Keputusan mahkamah:**

Yang Arif Kadi Besar telah memutuskan bahawa pihak kena tuntutan dikehendaki membayar *mut'ah* sebanyak rm3,600.

### **Alasan penghakiman:**

Pihak pemohon telah merayu kepada Jawatankuasa Rayuan, Ahmad Ibrahim, Pengerusi Panel Hakim dalam penghakimannya menyatakan Seksyen 130, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor, 1952 telah memperuntukkan bahawa seorang perempuan yang diceraikan oleh suaminya boleh memohon kepada kadi mendapatkan pemberian saguhati atau *mut'ah* dan kadi boleh selepas mendengar pihak-pihak itu memerintahkan pembayaran sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syarak.

Menurut dalam penghakiman, prof. Ahmad Ibrahim telah memetik beberapa dalil yang telah diambil daripada ayat al-Quran seperti dalam surah al-Baqarah ayat 236, yang bermaksud:

*Terjemahannya:*

*“Tidak ada kewajiban membayar (mahar) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka dan sebelum kamu menentukan maharnya. Dan hendaklah kamu berikan suatu mut'ah (pemberian) kepada mereka. Orang yang mampu menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya (pula), yaitu pemberian menurut yang patut. Yang demikian itu merupakan ketentuan bagi orang-orang yang berbuat kebajikan.”*

(Surah Al-Baqarah 2:236)

Beliau juga turut merujuk kepada surah Al-Ahzab, ayat 49 yang bermaksud:

Terjemahannya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka mengenai sebarang idah yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh itu, berilah *mut'ah* (pemberian sagu hati) kepada mereka dan lepaskanlah mereka dengan cara sebaik-baiknya.”

(Surah al-Ahzab 33:49)

Ayat di atas menjelaskan perempuan yang masih belum ditiduri apabila diceraikan tetap mempunyai hak untuk menerima *mut'ah*.

Seterusnya, Prof. Ahmad telah merujuk kepada Tafsir al-Manar, (oleh Prof. Dr. Hamka) yang menyebutkan mengenai cerita Sayidina Hasan bin Ali bin Abu Talib yang pernah memberikan wang pengubat hati isteri yang diceraikan sebanyak 10,000 *dirham*, yang turut diiringi dengan kata-kata yang mengharukan iaitu, “ hanya sedikit kiriman daripada kekasih yang terpaksa berpisah”. Turut disebutkan juga bahawa beliau pernah mengirihkan wang ubat hati sebanyak 20,000 *dirham* dalam satu perceraian yang lain.

Di dalam kes ini, hakim turut menjelaskan mengenai hikmah *mut'ah* “adapun hikmatnya adalah supaya perceraian jangan menimbulkan bisik desus, gunjing dan umput. Dan menjadi tanda bahawa lelaki adalah seorang yang halus perasaan tidak membiarkan jandanya terlantar sesudah bercerai, sampai dia mendapat suami lain, atau jangan ia selama tinggal dengan orang tuanya beban berat kepada orang tuanya.”

Prof. Ahmad turut merujuk kepada *Muwatta'* Imam Malik ada menyebut bahawa, Abdul Rahman bin Auf telah menceraikan isterinya dan memberi kepadanya hadiah seorang khadam perempuan. Imam Syafi'i pada awalnya berpendapat (*qaul qadim*) bahawa hanya perempuan yang telah diceraikan sebelum dicampuri dan sebelum mas kahwinnya ditetapkan berhak mendapat *mut'ah*. Akan tetapi, apabila beliau berada di Mesir beliau berpendapat bahawa pemberian *mut'ah* itu sebenarnya hanya disunatkan iaitu tidak wajib dan pendapat ini juga merupakan pendapat Imam Abu Hanifah.

Bukan sahaja buku-buku dan kitab-kitab dijadikan sebagai rujukan, bahkan Prof. Ahmad Ibrahim juga membuat rujukan kepada beberapa keputusan Mahkamah Syariah di Malaysia. Sungguhpun keputusan-keputusan itu tidak mengikat ia boleh digunakan untuk menunjukkan bagaimana tuntutan *mut'ah* diputuskan. Maka Yang Arif memutuskan dalam kes ini bahawa *mut'ah* yang sesuai dan munasabah menurut kepada kedua-dua belah pihak ialah sebanyak RM3,600. Pihak pemohon tidak dapat membuktikan bahawa Yang Arif Kadi Besar itu tidak menggunakan budi bicaranya dengan bijaksana. Oleh yang demikian rayuan telah ditolak.

### **3.2.3 Kes Siti Nor Asikin Binti Sheikh Abu Bakar Lawan Idris Bin Abu @Abu Seman.**

#### **Fakta kes:**

Plaintif dan defenden telah berkahwin pada 09/08/1986 dan bercerai pada 11/7/2006. Dalam perkahwinan selama 20 tahun itu, pasangan ini telah dikurniakan cahaya mata seramai (5) orang. Semasa dalam perkahwinan plaintif bekerja di syarikat swasta manakala defenden bekerja di beberapa tempat antaranya, di Bank Bumiputra Commerce (CIMB), Kurnia Setia dan KOSMA. Sepanjang perkahwinan plaintif telah menyumbang kewangan untuk keluarga dan perbelanjaan rumahtangga begitu juga dengan urusan menjaga anak dan menguruskan rumahtangga segalanya ditanggung dan terletak dibahu plaintif. Selepas perceraian berlaku tiada sebarang perintah yang merekodkan berkenaan *mut'ah*.

#### **Keputusan kes:**

Mahkamah yang mulia telah memutuskan bahawa defenden dikehendaki membayar *mut'ah* kepada plaintif sebanyak RM85,000. Dan lain-lain perintah atau relief yang difikirkan patut dan munasabah oleh mahkamah.

#### **Alasan penghakiman:**

Plaintif layak untuk menerima bayaran *mut'ah* sebanyak itu adalah kerana mahkamah telah mengambil kira sumbangan plaintif sepanjang perkahwinan selama lebih kurang dua puluh (20)

tahun. Bahkan juga sebagai bayaran semula kepada plaintif terhadap perbelanjaan sepanjang tempoh defenden tidak menjalankan tanggungjawab sebaiknya.

### **3.3 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, penentuan kadar pemberian *mut'ah* sebenarnya terserah kepada budi bicara hakim. Hakim akan melihatnya daripada kemampuan suami dan kedudukan kewangannya. Itulah perkara yang paling penring untuk menentukan kadar *mut'ah*. Ini kerana tidak terdapat nas-nas *qat'ie*. Oleh itu, menjadi kewajipan para hakim untuk memikirkan secara munasabah ketika menetapkan kadar *mut'ah*.

## **BAB 4**

### **STATUT DAN PERUNTUKAN ENAKMEN**

#### **4.0 PENGENALAN TERHADAP PERUNTUKAN DALAM NEGERI.**

Dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 56 *mut'ah*" atau pemberian saguehati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut". Seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya tanpa sebab yang munasabah boleh memohon kepada mahkamah untuk tuntutan *mut'ah* atau pemberian sague hati dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syara'.

Menurut seksyen 44 Enakmen Undang-Undang Keluarga 1983 di Kelantan “*Mutaah*” Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan boleh memohon *mutaah* atau bayaran suguhati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syarak apabila berpuashati bahawa perempuan itu telah diceraikan.<sup>22</sup>

Di Selangor, Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Perak dan Johor diperuntukan, mana-mana perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya menuntut kepada kadi kerana pemberian suguhati atau *mut'ah* dan kadi itu selepas daripada mendengar kedua-dua pihak bolehlah memerintahkan pembayaran yang berpatutan mengikut Undang-Undang Islam.

Di Wilayah Persekutuan, Kelantan, Kedah dan Terengganu diperuntukkan, selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon *mut'ah* atau pemberian suguhati kepada mahkamah dan mahkamah boleh mendengar selepas pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum *Syara'*.

Di Perlis pula diperuntukkan, seseorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya boleh memohon kepada kadi kerana pemberian suguhati atau *mut'ah* dan kadi itu lepas daripada mendengar kedua-dua belah pihak bolehlah memerintahkan pembayaran yang berpatutan.<sup>23</sup>

Di dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri-Negeri di Malaysia juga telah<sup>24</sup> membenarkan pihak isteri membuat tuntutan *mut'ah* dari suami setelah berlaku perceraian. Di Selangor dan Johor seksyen 56, Undang-Undang Keluarga Islam di Melaka, Pulau Pinang,

---

<sup>22</sup> Nik Mariani Nik Badli Shah, (1998), Perkahwinan dan Perceraian dibawah Undang-Undang Islam, International Law Book Services, hal 134

<sup>23</sup> Prof Madya Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, (1989), Undang-Undang Keluarga Islam Konsep Dan Perlaksanaannya di Malaysia, Fakulti Syariah Akademi Islam, Universiti Malaya, hal.177.

<sup>24</sup> Azhar Bin Abdul Aziz, Baterah Binti Alias & Fatimah Binti Salleh, (2006), Undang-Undang Keluarga Islam, iBook Publication Sdn.Bhd, Hal.186.

Negeri Sembilan dan Perak menyatakan seseorang isteri yang diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suami selain daripada haknya memohon nafkah boleh juga membuat permohonan tuntutan *mut'ah* atau pemberian suguhati kepada mahkamah.

Mengenai kadar *mut'ah* tidak ada sebarang peruntukan yang tertentu untuk membayar *mut'ah* bagi negeri-negeri di semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak tetapi mahkamah bolehlah memerintahkan pembayaran dibuat menurut peruntukan yang ada dalam syariat Islam.

#### **4.1 STATUT/SEKSYEN MENURUT ENAKMEN-ENAKMEN NEGERI.**

##### **4.1.1. Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984**

Seksyen 56 – *Mut'ah* atau pemberian suguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut.

*“sebagai tambahan kepada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut'ah atau pemberian suguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membaayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

##### **4.1.2. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003**

**(Enakmen 17 Tahun 2003)**

Fasal 58 - *Mut'ah* atau pemberian suguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut.

*“selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraiakan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut’ah atau pemberian saguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraiakan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

#### **4.1.3. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008**

##### **(Enakmen 7 Tahun 2008)**

Seksyen 58 - *Mut’ah* atau pemberian saguhati kepada perempuan yang diceraiakan tanpa sebab yang patut.

*“selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraiakan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut’ah atau pemberian saguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraiakan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

#### **4.1.4. Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004**

##### **(Enakmen 5 Tahun 2004)**

Seksyen 58 - *Mut’ah* atau pemberian saguhati kepada perempuan yang diceraiakan tanpa sebab yang patut.

*“selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraiakan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut’ah atau*



*pemberian suguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

#### **4.1.5. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004**

##### **(Enakmen 5 Tahun 2004)**

Seksyen 56 - *Mut'ah* atau pemberian suguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut.

*“selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut'ah atau pemberian suguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

#### **4.1.6. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005 (Pahang)**

##### **(Enakmen 3 Tahun 2005)**

Seksyen 58 - *Mut'ah* atau pemberian suguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut.

*“selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut'ah atau pemberian suguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

#### **4.1.7. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2002 (Kelantan)**

##### **(Enakmen 6 Tahun 2002)**

Seksyen 58 - *Mut'ah* atau pemberian suguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut.

*“selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut'ah atau pemberian suguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

#### **4.1.8. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003**

##### **(Enakmen 11 Tahun) 2003**

Seksyen 58 - *Mut'ah* atau pemberian suguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut.

*“selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut'ah atau pemberian suguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

#### **4.1.9. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002**

##### **(Enakmen 12 Tahun 2002)**

Seksyen 58 - *Mut'ah* atau pemberian suguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut.

*“selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut'ah atau pemberian suguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

#### **4.1.10. Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu)**

##### **(Enakmen 12 Tahun 1985)**

Seksyen 55 - *Mut'ah* atau pemberian suguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut.

*“selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut'ah atau pemberian suguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

#### **4.1.11. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003**

##### **(Enakmen 2 Tahun 2003)**

Seksyen 58 - *Mut'ah* atau pemberian suguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut.

*“selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut’ah atau pemberian suguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

#### **4.1.12. Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 2001 (Sarawak)**

##### **(Ordinan 43 Tahun 2001)**

Seksyen 56 - *Mut’ah* atau pemberian suguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut.

*“selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut’ah atau pemberian suguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

#### **4.1.13. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004 (Sabah)**

##### **(Enakmen 8 Tahun 2004)**

Seksyen 58 - *Mut’ah* atau pemberian suguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut.

*“selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah dicerai tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut’ah atau pemberian suguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah dicerai tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

#### **4.1.14. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991**

##### **(Enakmen 4 Tahun 1992)**

Seksyen 56 - *Mut’ah* atau pemberian suguhati kepada perempuan yang dicerai tanpa sebab yang patut.

*“selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah dicerai tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut’ah atau pemberian suguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah dicerai tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

#### **4.2 MASALAH-MASALAH YANG TIMBUL DARIPADA PERUNTUKAN YANG TERDAPAT DI DALAM ENAKMEN KELUARGA ISLAM.**

Di dalam Enakmen Keluarga Islam di Malaysia terdapat pelbagai peruntukan yang berbeza yang membolehkan seseorang janda atau bekas isteri mendapatkan hak tuntutan *mut’ah* mereka

daripada bekas suaminya. Namun sesetengah negeri membenarkan *mut'ah* dipohon jika perceraian itu dilakukan tanpa sebab yang munasabah.<sup>25</sup>

Peruntukan tersebut antara lainnya berbunyi:

*“Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut'ah atau pemberian sagu hati kepada mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.”*

Sesetengah negeri yang lain pula membolehkan setiap isteri yang diceraikan untuk memohon *mut'ah* dan apabila sabit perceraianya mahkamah akan memerintahkan suami untuk membayar *mut'ah* kepada bekas isterinya. Peruntukan antara lain pula berbunyi:

*“Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan boleh memohon mut'ah atau pemberian sagu hati kepada mahkamah dan mahkamah boleh, selepas mendengar penjelasan pihak-pihak itu, dan memerintah suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan”.*

Daripada kedua-dua peruntukan tersebut terdapat kelainan dalam syarat yang membolehkan seseorang isteri yang diceraikan memohon *mut'ah*. Sepatutnya seseorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya tidak diletakkan syarat-syarat tertentu untuk mendapatkan hak *mut'ah*. Ini kerana *mut'ah* merupakan hak seorang wanita yang diceraikan yang sudah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Di dalam AL-Quran. *Mut'ah* ini adalah wajib untuk seorang bekas suami menunaikan kepada bekas isterinya atas sebab berlakunya perceraian, dengan berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

*Terjemahannya:*

---

<sup>25</sup> Salleh Ismail, (2003), Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh Dan Undang-Undang Keluarga Islam, Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur, Hal. 127-130.

“Bagi perempuan-perempuan yang telah diceraikan, sagu hati dengan cara yang baik sebagai hak keatas orang yang bertakwa.” (Surah al-Baqarah 2:241)

Menurut Said bin Jubayr beliau juga turut berpendapat bahawa setiap perempuan yang diceraikan patut diberi saguhati. Pendapat ini juga merupakan salah satu daripada pendapat Imam Syafi’i. Menurut Imam Malik pula, beliau berpendapat setiap perempuan yang diceraikan dengan *talaq* satu dan dua sama ada telah disetubuhi atau tidak, disebut mas kahwinnya dalam akad atau tidak, adalah berhak mendapat *mut’ah*.

Jelaslah bahawa *mut’ah* adalah menjadi hak setiap isteri yang diceraikan oleh suaminya tanpa sebarang pengecualian. Dan ia sudah pun ditentukan oleh Allah SWT untuk mengurangkan beban yang ditanggung olehnya akibat perceraian itu.

### **4.3 KESIMPULAN**

Antara kesimpulan yang dapat saya rumuskan di dalam bab 4 ini ialah kebanyakan peruntukan di dalam setiap enakmen negeri adalah sama hanya Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 sahaja yang mempunyai sedikit penambahan di dalam seksyenya. Sekiranya berlaku atau timbul sebarang masalah-masalah berkaitan dengan tuntutan *mut’ah* ini para peguam dan hakim akan menjadikan enakmen-enakmen negeri masing-masing sebagai rujukan.

## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 RUMUSAN**

Secara ringkas daripada kefahaman dan penerangan dalil ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW bahkan juga pendapat-pendapat para fuqaha', maka dapatlah dibuat rumusan bahawa seorang bekas suami perlu wajib untuk dia membayar *mut'ah* kepada bekas isteri sebagai tanda sumbangan kepada bekas isteri tersebut. Selain itu bayaran *mut'ah* ini juga adalah untuk menutup aib bekas isteri selepas berlaku perceraian. Dan sebagai modal untuk bekas isteri memulakan hidup baru dengan kehidupan yang baru.

Dengan adanya Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia hak wanita selepas perceraian iaitu tuntutan terhadap *mut'ah* dapat dibela dengan adil dengan berdasarkan peruntukan-peruntukan yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang Keluarga Islam. Dan dengan adanya undang-undang ini juga seorang bekas isteri mengetahui kelayakannya untuk mendapatkan bayaran *mut'ah*. Walaubagaimanapun, jumlah bayaran *mut'ah* yang perlu dibayar oleh bekas suami kepada bekas isteri adalah di atas budi bicara pihak mahkamah.

Merujuk kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 56 *mut'ah*, telah dijelaskan bahawa *mut'ah* adalah hak bekas isteri yang wajib dibayar oleh suami untuk menjaga aib isteri setelah diceraikan.

## **5.1 CADANGAN**

Berdasarkan kajian ini, dapat dirumuskan beberapa perkara yang perlu dicadangkan bagi mengatasi kelemahan kebanyakan wanita tentang hak dalam tuntutan *mut'ah* dalam kalangan kebanyakan wanita.

Antara cadangan penulis adalah pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) perlu menggiatkan lagi usaha untuk memberi khidmat nasihat penerangan dan ceramah yang



berkaitan dengan hak isteri selepas perkahwinan bukan sahaja dalam tuntutan *'iddah, hadhanah* dan harta sepencarian malah perlu juga untuk memberi lebih penerangan tentang tuntutan *mut'ah*. Bagi memastikan masyarakat terutamanya golongan wanita untuk lebih berpengetahuan tentang hak-hak yang sepatutnya mereka dapat dan perolehi terutamanya dalam tuntutan *mut'ah*.

Selain itu, dengan adanya kemudahan teknologi pada zaman ini, pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia boleh untuk memperluaskan lagi ilmu ilmiah ini melalui media sosial contohnya melalui aplikasi *'whatsapp', 'wechat', 'telegram'* dan *'facebook'* utamanya. Ini kerana laman *'facebook'* adalah secara umum, dan kini laman *'facebook'* mudah untuk diterjemah ke pelbagai bahasa. Maka dengan itu, sesiapa sahaja dapat membacanya. Dengan cara ini juga, kita dapat menutup tanggapan negatif daripada agama-agama lain bahawa wanita Islam selepas berkahwin tidak diberi sebarang hak dan perlindungan.

## **BIBLIOGRAFI**

1. *Nik Mariani Nik Badli Shah, (1998), Perkahwinan Dan Perceraian Di Bawah Undang-Undang Islam, International Law Book Services.*
2. *Raihanah Abdullah, (2001), Wanita Dan Perundangan Islam, Ilmiah Publishers*
3. *Salleh Ismail, (2003), Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh Dan Undang-Undang Keluarga Islam, Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala*

*Lumpur,*

4. *Prof Madya Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, (1989), Undang-Undang Keluarga Islam Konsep Dan Perlaksanaannya di Malaysia, Fakulti Syariah Akademi Islam, Universiti Malaya.*
5. *Abdul Monir Yacoob dan Siti Shamsiah Md Supi, (2006), Keperluan Kepada Manual Mengenai Undang-undang Keluarga Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia.*
6. *Al-quran al—kareem dan terjemahan*
7. *Azhar Bin Abdul Aziz, Baterah Binti Alias & Fatimah Binti Salleh, (2006), Undang-Undang Keluarga Islam, iBook Publication Sdn.Bhd*